SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

# SKIM 1 OKU 1 PERNIAGAAN (S1O1P)

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA



S1O1P

# APA ITU **S1O1P**

Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P) merupakan satu inisatif untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang ingin mendaftarkan perniagaan mereka dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 diberi pengecualian Fi Pendaftaran dan Pembaharuan.

---

S1O1P ini diberikan untuk tempoh satu tahun pendaftaran perniagaan baharu dan pembaharuan perakuan pendaftaran yang didaftarkan. Permohonan maklumat perniagaan dan cawangan dikenakan bayaran seperti biasa.



# SYARAT-SYARAT **PERMOHONAN**

## PERMOHONAN YANG LAYAK UNTUK SKIM INI SEPERTI BERIKUT:




Warganegara berumur 18 tahun dan ke atas mengikut syarat pendaftaran perniagaan




OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia




Belum mendaftarkan perniagaan dan pembaharuan menggunakan skim ini di SSM



Terhad satu OKU, satu pendaftaran sahaja



Pemohon boleh memilih untuk mendaftar perkongsian (rakan kongsi hendaklah terdiri dari OKU sahaja)

# MANAFAAT
# PENGECUALIAN FI

## ~~RM30~~

Perniagaan milikan tunggal menggunakan nama sendiri seperti di kad pengenalan. *(Contoh : Ali bin Abu / Tan Bee Din / Yuvarajoo A/L Rajagopal)*

## ~~RM60~~

Perniagaan milikan tunggal atau perniagaan perkongsian (rakan kongsi terdiri dari kategori kumpulan yang layak memohon skim ini) menggunakan nama tred. *(Contoh : Percetakan Fakhrur, Lemang Tokti Enterprise, Rahim Fitness Centre)*

# CARA MEMOHON **S101P**

1. Permohonan secara atas talian sahaja di **ezbiz.ssm.com.my**
2. Pemohon perlu berdaftar sebagai pengguna akaun EzBiz Online terlebih dahulu

**TATACARA**
**PENGGUNA EZBIZ**
**PENDAFTARAN PERNIAGAAN BARU**
**(SKIM 1 OKU 1 PERNIAGAAN)**

# KELEBIHAN
# MENDAFTAR PERNIAGAAN

Perniagaan diperakui sah disisi undang-undang

Membolehkan akaun semasa perniagaan di daftarkan

Meningkatkan kepercayaan pembeli untuk berurusan dengan peniaga yang sah

Memudahkan akses kepada bantuan pinjaman kewangan dan latihan daripada kerajaan & agensi berkaitan

Boleh memasuki transaksi jual beli yang sah termasuk ikatan kontrak

# HUBUNGI **SSM**




**Suruhanjaya Syarikat Malaysia**
**Menara SSM@Sentral, No. 7, Jalan Stesen Sentral 5,**
**Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur**

**+603-7721 4000**

**enquiry@ssm.com.my**